

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TEKNIK RETORIK DALAM BLOG
BAHASA MELAYU**

FARAH HANINI ABDUL RAHMAN

Tesis yang dikemukakan
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Bahasa Gunaan)

Akademi Pengajian Bahasa

September 2025

ABSTRAK

Blog telah berkembang daripada catatan peribadi kepada medium hibrid yang menggabungkan peranan sosial dan komersial. Blog menjadi ruang ekspresi penulis, pemasaran, dan pembentukan pengaruh. Maka, kajian ini meneliti penggunaan teknik retorik dalam penulisan blog bahasa Melayu dengan menumpukan kepada teknik dan fungsi teknik tersebut serta hubungan antara teknik dan fungsi dalam penulisan blog bahasa Melayu. Walaupun kajian mengenai retorik telah ada dilakukan, khususnya dalam konteks klasik dan politik, penyelidikannya dalam medium blog bahasa Melayu, khususnya dari segi teknik dan fungsi linguistik dan sumbangan kepada teori retorik digital, masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif utama, iaitu (i) mengenal pasti teknik retorik yang digunakan dalam penulisan blog, (ii) menganalisis fungsi-fungsi teknik retorik dalam penulisan blog bahasa Melayu, serta (iii) menghuraikan hubungan antara teknik dan fungsi retorik dalam penulisan blog bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif serta kaedah analisis kandungan bagi menganalisis data kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 18 teknik retorik utama digunakan dalam penulisan blog, termasuk enam teknik baharu iaitu ajakan, gesaan, cadangan, peringatan, ulasan, penggunaan bunyi. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti penggunaan 49 fungsi retorik, termasuk 21 fungsi baharu yang merangkumi *menghidupkan naratif, mencerminkan keaslian gaya penulisan dan identiti penulis, menegaskan kebenaran peribadi, mewujudkan perikemanusiaan dan empati kolektif, mengaktifkan ketamakan rasional, menguatkan seruan promosi, serta menunjukkan simbol kuasa epistemik diri*. Analisis turut memperlihatkan dua pola hubungan teknik-fungsi retorik iaitu (satu teknik – banyak fungsi dan (ii) satu fungsi – banyak teknik, yang menggambarkan sifat fleksibel dan saling melengkapi dalam penggunaan retorik digital. Dari segi teoritikal, penemuan ini memperluas kategori teknik dan fungsi retorik dalam Model Teknik Retorik Lee (2001). Kajian ini turut menyumbang kepada pengukuhan pedagogi retorik dan kefahaman tentang komunikasi digital dalam konteks bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa blog berperanan sebagai ruang retorik moden yang kompleks dan signifikan dalam landskap komunikasi bahasa Melayu masa kini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, dapat saya menyiapkan kajian bertajuk “Teknik Retorik dalam Blog Bahasa Melayu”. Justeru, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Lee Ai Chat dan Dr. Noor Ida Ramli atas bimbingan dan masa yang diluangkan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Segala ilmu yang dicurahkan akan saya hargai kenang sampai akhir hayat. Tidak dilupakan titipan penghargaan saya kepada pihak pengurusan Akademi Pengajian Bahasa yang banyak membantu dan menyokong perjalanan PhD saya.

Sudah semestinya penghargaan ditujukan buat insan-insan teristimewa yang banyak berkorban dan menyuarakan dorongan, suami tercinta, Mohamad Azhan bin Md Amir; ayahanda yang dikasihi, Haji Abdul Rahman bin Sotol; Allahyarhamah bonda Hajah yang sentiasa dirindui, serta anak-anak yang disayangi, Humairah, Maisarah, Insyirah, Fahim dan Kiyochi. Terima kasih kerana sentiasa memahami dan mendoakan kejayaan saya tanpa jemu.

Jutaan terima kasih juga ditujukan buat adik-adik yang sentiasa menyokong perjalanan akademik saya, Zizi, Noha dan Dela. Buat rakan-rakan seperjuangan, Rosnah, Amirah, Nurris, Azita, Midi, Diyana, Noriza serta rakan-rakan yang lain, terima kasih atas kata-kata semangat yang tidak putus-putus dilontarkan untuk membakar semangat saya dalam menyiapkan kajian ini. Buat Amirah, terima kasih yang tidak terhingga kerana tidak pernah jemu membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.

Sememangnya kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa dorongan, sokongan serta doa insan-insan istimewa ini. Kejayaan ini sesungguhnya adalah kejayaan kita bersama. Alhamdulillah.

Farah Hanini Abdul Rahman

Bangi

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Soalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Skop dan Batasan Kajian	12
1.7 Definisi Konsep	13
1.7.1 Retorik	13
1.7.2 Pempengaruh	14
1.7.3 Blog	14
1.7.4 Teknik Retorik	14
1.7.5 Fungsi Retorik	15
1.8 Kesimpulan	15
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Konsep Retorik	16
2.3 Perkembangan Retorik	19
2.3.1 Retorik Klasik: Dari Aristotle ke Rom Purba	19
2.3.2 Evolusi Retorik Moden	23
2.3.3 Retorik dalam Era Digital	26

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Kini berbagai-bagai bentuk media sosial seperti Blog, Facebook, Twitter, Instagram, dan TikTok telah muncul sebagai saluran berkongsi idea, maklumat mahupun pengalaman. Blog merupakan salah satu cara yang terbaik sebagai saluran penulisan mengenai perkara yang diingini oleh penulis (Nina, 2012 & Normaliza (2014). Blog juga memberikan maklumat tentang sesuatu perkara seperti makanan, perkhidmatan, tempat percutian, produk kecantikan. Sesetengah blog berperanan lebih daripada sebagai diari peribadi dalam talian. Pada awal kemunculannya, blog digunakan sebagai wadah pengumpulan rangkaian laman sesawang yang mempunyai berbagai-bagai peranan dan fungsinya (Blood, 2002). Pada tahun 1998, blog mula mendapat perhatian warga Malaysia iaitu ketika penulis blog giat menulis tentang politik dan isu semasa (Abdullah et al. 2016). Menurut Christian (2024), blog adalah saluran berpengaruh untuk berkongsi maklumat dalam talian bagi berkongsi pengalaman peribadi serta menyebarkan maklumat. Hal ini terbukti dengan laporan Website Rating (2024) pada Januari 2024, yang menunjukkan hampir 600 juta blog yang dihoskan di platform seperti *WordPress*, *Wix*, *Weebly*, dan *Google Blogger*. *WordPress* menguasai lebih daripada 43% daripada semua laman web di internet, dan ini memaparkan penguasaan platform ini dalam dunia blog (Website Rating, 2024).

Dengan merekodkan 33.59 juta pengguna internet pada Januari 2024, Malaysia telah mencatat penggunaan internet yang tinggi, dan ini mewakili kadar penggunaan internet sebanyak 97.4% daripada jumlah penduduk negara ini (DataReportal, 2024). Data ini menunjukkan perhubungan dalam talian lebih tertumpu kepada saluran media sosial yang menawarkan komunikasi segera dan kandungan visual. Fungsi penggunaan blog sebagai wadah penulisan dan perkongsian maklumat semakin berkurangan, selari dengan perubahan minat pengguna yang lebih mengutamakan kandungan yang lebih ringkas dan interaktif. Kendatipun demikian, blog masih memainkan peranan penting dalam kalangan segmen tertentu, terutamanya bagi mereka yang mencari topik-topik tertentu.